

Kerjasama Malaysia-Kosovo peluang akses pasaran EU

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia mengalu-alukan pembukaan Kedutaan Kosovo di Kuala Lumpur yang disifatkan langkah penting dalam memperkukuhkan hubungan dua hala antara dua negara.


Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah ini akan membuka peluang kerjasama lebih luas termasuk pelaburan dalam pendidikan, budaya, pelancongan serta sektor halal yang mana Malaysia diiktiraf secara antarabangsa.

Beliau berkata, kerjasama strategik ini turut membuka potensi besar dalam kerjasama perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara, termasuk peluang akses pasaran melalui hubungan erat Kosovo dengan Kesatuan Eropah (EU).

“Saya memberi jaminan bahawa hubungan ini bukan sekadar hubungan diplomatik biasa, tetapi satu komitmen bermakna Malaysia sebagai rakan sejati kepada Kosovo,” tegas beliau dalam sidang akhbar bersama dengan Presiden Kosovo, Vjosa Osmani Sadriu di sini semalam.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pemimpin turut bertukar pandangan mengenai isu-isu antarabangsa, termasuk kebebasan, hak asasi manusia serta keamanan global.

Anwar menegaskan komitmen Malaysia untuk memper-



ANWAR Ibrahim bersama Vjosa Osmani Sadriu dalam satu majlis sempena lawatan rasminya ke Malaysia di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. - GAMBAR PMO

kukuh hubungan strategik dengan Kosovo dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, pelaburan, pendidikan, budaya dan pelancongan.

Menurut Anwar, Malaysia sentiasa mengikuti rapat perkembangan di rantau Balkan, termasuk perjuangan rakyat Kosovo yang gigih menuntut kemerdekaan dan berdepan pelbagai cabaran serta kekejaman.

“Kami, kerajaan dan rakyat Malaysia, amat berbesar hati

menerima kehadiran Presiden Kosovo. Kami mengagumi keberanian rakyatnya yang telah melalui sejarah penuh kesukaran dan atrositi,” katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan atas pengurniaan Darjah Kemerdekaan yang disampaikan oleh Vjosa yang disifatkan sebagai lambang penghargaan terhadap sokongan berterusan Malaysia terhadap kemerdekaan Kosovo.

Anwar turut mengimbaskan kembali peranan penting yang

dimainkan oleh bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, yang menjadi antara pemimpin dunia terawal mengiktiraf kemerdekaan Kosovo pada 30 Oktober 2008.

“Kami percaya pada kebebasan, keadilan dan maruah manusia, dari Palestin hingga ke pelbagai wilayah yang bergolak. Malaysia kekal konsisten dalam memperjuangkan prinsip-prinsip tersebut,” kata Anwar.